

PERUSAHAAN LABU SAYONG

**4 - KOUZ ENTERPRISE
NO. 76&77,
JALAN PERAI JAYA 2,
BANDAR PERAI JAYA,
13 600 PERAI.**

DISEDIAKAN OLEH

***MOHD. AZRUL BIN MAT SAID
97301926***

***MUZAINI BIN MURSYID
97417403***

***NAZLA BINTI HALIM
97301972***

***SHUKRIAH BINTI HARUN
97417499***

***NORHIDAYU BINTI KARIP
97362776***

DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN 05

TARIKH DISEDIAKAN : 25 MAC 2000

v. ***SINOPSIS***

Berdasarkan penyelidikan ruang pasaran dan permintaan, kami telah membuat keputusan untuk membuka sebuah perniagaan perkongsian yang dinamakan sebagai 4-Kouz Enterprise.

Kami menawarkan pelbagai jenis labu sayong di mana bentuk dan keindahannya menjadi daya tarikan utama. Hasil jeluaran perniagaan kami adalah bermutu dan berkualiti agar dapat memberi kepuasan kepada para pelanggan. Kami juga memberi khidmat rundingan dan nasihat penjagaan kepada para pelanggan yang ingin mendapatkan maklumat lanjut tentang labu sayong. Labu sayong ini bukan sahaja boleh dijadikan sebagai barang perhiasan rumah malahan mempunyai keistimewaan lain iaitu air yang disimpan dalam bekas labu adalah dingin sejuk dan melegakan kehausan. Selain itu, ia juga boleh menjadi penawar kepada penyakit darah tinggi.

4-Kouz Enterprise akan beroperasi pada 1 Januari 2004 di No.76&77, Jalan Perai Jaya 2, Bandar Perai Jaya, 13 600 Perai. Kedudukan Bandar Perai yang strategik di kawasan utara Semenanjung Malaysia menjamin perniagaan ini untuk berkembang maju. Peningkatan kadar kemasukan pelancong asing ke Malaysia hasil daripada galakan dan insentif pihak kerajaan antara faktor lain yang mendorong kepada perkembangan

perniagaan kami. Ini adalah kerana pelancong adalah sasaran pasaran kami.

Perniagaan kami ini dikendalikan oleh 5 orang ahli rakan kongsi. Ia terdiri daripada seorang pengarah urusan, pengurus pentadbiran, pengurus pemasaran, pengurus operasi dan pengurus kewangan.

Usaha berterusan akan terus dilaksanakan bagi memastikan keuntungan perniagaan sentiasa berada di tahap yang memuaskan. Ini adalah kerana keuntungan yang diperolehi bakal dijadikan modal untuk membuka cawangan-cawangan baru di seluruh Malaysia.

Oleh itu, setiap ahli kongsi akan berusaha bersungguh-sungguh untuk merealisasikan cita-cita murni ini.

1.0 TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Sebuah Rancangan Perniagaan disediakan dengan berbagai-bagai tujuan. Antaranya termasuklah:

- ¤ Memberi peluang kepada usahawan untuk melihat dan menilai perniagaan dengan teliti secara objektif, kritikal dan praktikal
- ¤ Mengkaji dan menilai sama ada perniagaan yang akan dijalankan berdaya maju atau sebaliknya
- ¤ Meyakini pihak tertentu seperti institusi kewangan bagi mendapatkan sumber pembiayaan
- ¤ Menjadi garis panduan untuk mengurus perniagaan sehari-hari
- ¤ Mengagihkan sumber-sumber perniagaan dengan lebih baik
- ¤ Memberi gambaran yang menyeluruh mengenai organisasi dan dapat menilai potensi sesebuah perniagaan

4.0 LATAR BELAKANG TAPAK PROJEK

Bandar Perai Jaya menjadi pilihan destinasi kami sebagai pusat utama dalam mengetengahkan perniagaan *labu sayong*.

4.1 Kedudukan fizikal projek

Lokasi tapak projek kami adalah berhampiran dengan stesyen bas, hotel, kawasan perumahan dan berhadapan dengan kompleks membeli-belah Megamal di mana ia menjadi salah satu tempat tumpuan pelanggan samada penduduk setempat dan para pelancong. Selain itu, terdapat juga kemudahan sistem pengangkutan dan perhubungan yang baik bagi memudahkan para pelanggan datang ke premis kami.

4.2 Bangunan

Bangunan yang digunakan sebagai pusat untuk menjalankan perniagaan merupakan bangunan dua tingkat yang terletak di antara deretan kedai-kedai lain. Kami memilih untuk menyewa dua lot bangunan tersebut iaitu Lot 76&77, Jalan Perai Jaya 2, Bandar Perai Jaya, 13 600 Perai. Lot 76 terbahagi kepada dua bahagian, di tingkat atas bangunan adalah untuk pentadbiran dan di tingkat bawahnya adalah ruang pameran. Tempat operasi barang yang dikeluarkan terletak di lot 77. Lot premis adalah disewa dari Nichia